# PANDUAN PENGGUNA : PENDAFTARAN AHLI

## Persatuan Alumni

## Hasil Dalam Negeri

## (AIRA)

# 1 ISI KANDUNGAN


2 PENGENALAN ........................................................................................................ 1

3 PENDAFTARAN AHLI ........................................................................................................ 2

4 E-MEL MAKLUMAN ........................................................................................................ 7

5 PAPARAN MESEJ ........................................................................................................ 11

# 2 PENGENALAN

Panduan Pengguna ini disediakan bertujuan untuk memberikan penerangan dan garis panduan secara terperinci kepada pengguna berkenaan cara-cara membuat pendaftaran sebagai ahli Persatuan Alumni Hasil Dalam Negeri.

# 3 PENDAFTARAN AHLI

1) Taip URL http://www.aira.my/. Skrin di bawah (Rajah 1.0) akan dipaparkan.




**Rajah 1.0 : Skrin laman utama STAMPS**

2) Klik ikon Pendaftaran (Rajah 1.1). Pengguna akan membuat pendaftaran dengan menggunakan borang pendaftaran keahlian secara atas talian.




**Rajah 1.1 : Ikon Borang Pendaftaran Keahlian**

3) Borang Pendaftaran Keahlian yang mengandungi tiga (3) ruangan maklumat akan dipaparkan.
   a) Maklumat Peribadi (Rajah 1.2).
   b) Maklumat Perkhidmatan dan Kerjaya (Rajah 1.3).
   c) Maklumat Yuran dan Bayaran (Rajah 1.4).




**Rajah 1.2 : Maklumat Peribadi**




**Rajah 1.3 : Maklumat Perkhidmatan dan Kerjaya**




**Rajah 1.4 : Maklumat Yuran dan Bayaran**

4) Pengguna perlu memastikan maklumat-maklumat yang wajib (simbol *) diisi di semua ruangan maklumat. Butang Daftar hanya akan dipaparkan apabila semua maklumat yang wajib telah diisi.

5) Berikut adalah contoh borang yang telah diisi.
   a) Maklumat Peribadi (Rajah 1.5).
   b) Maklumat Perkhidmatan dan Kerjaya (Rajah 1.6).
   c) Maklumat Yuran dan Bayaran (Rajah 1.7).




**Rajah 1.5 : Contoh Maklumat Peribadi yang telah diisi**




**Rajah 1.6 : Contoh Maklumat Perkhidmatan dan Kerjaya yang telah diisi**




**Rajah 1.7 : Contoh Maklumat Yuran dan Bayaran yang telah diisi**

6) Bagi ruangan Maklumat Bayaran, jika Bayaran yang dipilih adalah :
   a) Cek atas nama Persatuan Hasil Dalam Negeri, medan Bank dan No.Cek akan dipaparkan
   b) Deposit / Pindahan Terus dalam talian ke akaun semasa CIMB nombor : 8009151335, medan Slip Bayaran akan dipaparkan.

   Pengguna perlu memastikan maklumat dan lampiran slip bayaran yang disertakan adalah betul sebelum borang dihantar.

7) Seterusnya, klik butang Daftar. Skrin Maklumat Pendaftaran Keahlian akan dipaparkan (Rajah 1.8).



Pendaftaran Keahlian

Utama / Borang Pendaftaran

Muat Turun Panduan Pengguna    Muat Turun Borang Manual

| | | | |
|---|---|---|---|
| **Nama:** *(Seperti dalam Mykad)* | Kiysaa Aysara Binti Dato' Firdaus | **Gelaran:** | Profesor Datin Dr. |
| **No. MyKad:** | 570202160361 | **Jantina:** | Perempuan |
| **Alamat Rumah:** | No 113, Jalan Aman Serenia 16/7,<br>Taman Aman Serenia<br>Bandar Serenia Kota Warisan | | |
| **Poskod:** | 43900 | **Bandar:** | Sepang |
| **Negeri:** | Selangor | **Negara:** | MALAYSIA |
| **No.Telefon Bimbit:** | 0172010530 | **Alamat Emel:** | twinbaby.firdaus@gmail.com |
| **Tarikh Mula Berkhidmat:** | 02/01/1990 | **Tarikh Persaraan/ Berhenti:** | 31/05/2019 |
| **Jawatan Sebelum Bersara/ Berhenti:** | Pegawai Eksekutif Gred UTAMA C | **Status Sebelum Bersara/ Berhenti:** | Tetap |
| **Penempatan Sebelum Bersara/ Berhenti:** | Cawangan Bangi | **Pengkhususan Semasa Berkhidmat:** | Penyiasatan |
| **Daftar Sebagai Ejen 153:** | Tidak | **Jika "Ya", Catat No.Pendaftaran:** | |
| **Pekerjaan Sekarang:** *(Jika Berkenaan)* | Pensyarah | **Nama Majikan:** | UiTM |
| **Bayaran Yuran:** | Yuran Masuk RM10.00<br>Yuran Tahunan RM30.00<br>Yuran Seumur Hidup RM100.00 | **Jumlah Bayaran(RM):** | 110 |
| **Cara Bayaran:** | Tunai<br>Cek<br>Pindahan Dalam Talian | **Bank dan No. Cek:** | 012222 |
| **Gambar Profil:** | photo photo_570202160361_5cf485843785f.jpg | | |

Saya berjanji akan mematuhi peraturan yang ditetapkan di bawah undang-undang persatuan dan mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan di atas adalah benar.

Hantar | Kemaskini



pyright © Persatuan Alumni Hasil Dalam Negeri

**Rajah 1.8 : Skrin Maklumat Pendaftaran Keahlian**

8) Pengguna boleh klik butang Kemaskini jika ingin mengemaskini maklumat di borang pendaftaran keahlian sebelum borang dihantar.

9) Jika pengguna tidak ingin kemaskini borang pendaftaran, pengguna boleh klik butang Hantar untuk menghantar permohonan pendaftaran keahlian AIRA.

10) Skrin makluman pendaftaran keahlian seperti di bawah (Rajah 1.9) akan dipaparkan.




**Rajah 1.9 : Makluman Pendaftaran Keahlian**

# 4 E-MEL MAKLUMAN

1) Pengguna akan mendapat e-mel makluman permohonan pendaftaran setelah permohonan berjaya dihantar (Rajah 2.0).

KIYSAA AYSARA BINTI DATO' FIRDAUS,

Terima kasih kerana mendaftar sebagai ahli AIRA dengan maklumat seperti di bawah:

| | |
|---|---|
| Nama | : KIYSAA AYSARA BINTI DATO' FIRDAUS |
| No. MyKad | : 570202160346 |
| E-mel | : twinbaby.firdaus@gmail.com |
| No. Telefon | : 0172010530 |
| Tarikh Daftar | : 2019-06-17 11:08:22 |

Permohonan anda akan diproses dalam tempoh 14 hari bekerja.

Status permohonan anda akan dimaklumkan melalui e-mel.

* Sila dapatkan berita terkini AIRA di http://www.aira.my/

**Rajah 2.0 : Makluman Permohonan Pendaftaran**

2) Selepas permohonan berjaya dihantar, Pentadbir Sistem akan membuat semakan ke atas permohonan tersebut dalam tempoh 14 hari bekerja ke atas setiap permohonan yang telah dihantar.

3) Setelah semakan dan tindakan diambil oleh Pentadbir Sistem, pengguna akan mendapat e-mel makluman status permohonan. Terdapat tiga (3) status permohonan iaitu :
   a) Tidak Lengkap.
   b) Lulus
   c) Tidak Lulus

4) Jika status tidak lengkap, e-mel makluman yang dihantar adalah seperti di bawah (Rajah 2.1).

KIYSAA AYSARA BINTI DATO' FIRDAUS,

Dukacita dimaklumkan maklumat permohonan anda untuk menjadi ahli adalah TIDAK LENGKAP.

Alasan : Lampiran tidak betul dan perlu hantar semula

MAKLUMAT KEAHLIAN
Nama : KIYSAA AYSARA BINTI DATO' FIRDAUS
Status Keahlian : Ahli Seumur Hidup
E-mel : twinbaby.firdaus@gmail.com
Tarikh Daftar : 17-06-2019 11:08:22
Tarikh Semakan Pentadbir : 17-06-2019 12:05:48

Sila kemaskini maklumat yang tidak lengkap dengan login seperti di bawah:

No. MyKad : 570202160346
Kata laluan sementara : 5d070425d9977

Jika bayaran belum dijelaskan, sila buat pembayaran dan muatnaik resit bayaran di bahagian Kemaskini Profil.

Sila tukar kata laluan sementara di pautan http://www.aira.my/changepass.php.

Jika and terlupa kata laluan, sila klik pautan http://www.aira.my/forgetpass.php, kata laluan baru akan dijana dan dihantar ke e-mel ini.

Jika anda ingin menukar e-mel, anda boleh melakukannya dengan log masuk ke bahagian Akaun Saya.

* Sila dapatkan berita terkini AIRA di http://www.aira.my/

**Rajah 2.1 : Makluman Status Permohonan Tidak Lengkap**

5) Pengguna boleh log masuk menggunakan No.MyKad dan kata laluan sementara yang diberikan melalui emel untuk kemaskini maklumat yang tidak lengkap.

6) Pengguna perlu kemaskini maklumat di bahagian Kemaskini Profil dengan lengkap. Permohonan yang telah lengkap boleh dihantar semula untuk diproses oleh Pentadbir Sistem. Pengguna akan menerima e-mel makluman seperti di bawah (Rajah 2.2).

KIYSAA AYSARA BINTI DATO' FIRDAUS

Terima kasih kerana mengemaskini maklumat keahlian anda dengan maklumat seperti di bawah:

| | |
|---|---|
| Nama | : KIYSAA AYSARA BINTI DATO' FIRDAUS |
| No. MyKad | : 570202160346 |
| E-mel | : twinbaby.firdaus@gmail.com |
| No. Telefon | : 0172010530 |
| Tarikh Daftar | : 17-12-2018 11:41:49 |
| Tarikh Hantar Semula | : 19-06-2019 08:17:18 |

Permohonan anda dalam proses semakan pihak Pentadbir.

Anda akan dimakluman melalui emel ini berkenaan status permohonan anda.

* Sila dapatkan berita terkini AIRA di http://www.aira.my/

**Rajah 2.2 : Makluman Pengemaskinian Maklumat Ahli**

7) Jika status tidak lulus, e-mel makluman yang dihantar adalah seperti di bawah (Rajah 2.3).

KIYSAA AYSARA BINTI DATO' FIRDAUS,

Dukacita dimaklumkan permohonan anda untuk menjadi ahli adalah TIDAK LULUS.

Alasan : tidak lulus mohon untuk membuat pemohonan baru

MAKLUMAT PENDAFTARAN

| | |
|---|---|
| Nama | : KIYSAA AYSARA BINTI DATO' FIRDAUS |
| E-mel | : twinbaby.firdaus@gmail.com |
| Tarikh Daftar | : 17-06-2019 11:08:22 |
| Tarikh Semakan Pentadbir | : 17-06-2019 15:04:29 |

Sila hubungi Pentadbir untuk maklumat lanjut.

Hubungi Pentadbir melalui emel: airaxhasil@gmail.com atau Telefon / SMS / WhatsApp ke 012-288 4102

* Sila dapatkan berita terkini AIRA di http://www.aira.my/

**Rajah 2.3 : Makluman Status Permohonan Tidak Diluluskan**

8) Jika status lulus, e-mel makluman yang dihantar adalah seperti di bawah (Rajah 2.4).

KIYSAA AYSARA BINTI DATO' FIRDAUS,

Sukacita dimaklumkan permohonan anda untuk menjadi ahli telah diluluskan dengan maklumat log masuk seperti di bawah:

No. MyKad : 570202160346
Kata Laluan Sementara : 5d070425d9977

MAKLUMAT KEAHLIAN
Nama : KIYSAA AYSARA BINTI DATO' FIRDAUS
No. Keahlian : A010119
Status Keahlian : Ahli Seumur Hidup
Peranan : Ahli
E-mel : twinbaby.firdaus@gmail.com
Tarikh Daftar : 17-06-2019 11:08:22
Tarikh Lulus : 17-06-2019 16:28:04

Jika bayaran belum dijelaskan, sila buat pembayaran dan muatnaik resit bayaran di bahagian Kemaskini Profil.

Sila tukar kata laluan sementara di pautan http://www.aira.my/changepass.php.

Jika and terlupa kata laluan, sila klik pautan http://www.aira.my/forgetpass.php, kata laluan baru akan dijana dan dihantar ke e-mel ini.

Jika anda ingin menukar e-mel, anda boleh melakukannya dibahagian Kemaskini Profil selepas anda log masuk.

* Sila dapatkan berita terkini AIRA di http://www.aira.my/

**Rajah 2.4 : Makluman Permohonan Diluluskan**

9) Nombor ahli bagi permohonan yang telah diluluskan adalah bergantung kepada status keahlian.

   a) Jika nombor ahli bermula dengan Huruf A, status keahlian adalah Ahli Seumur Hidup.
      Contoh : A000001

   b) Jika nombor ahli bermula dengan Huruf B, status keahlian adalah Ahli Biasa.
      Contoh : B000001

10) Pengguna boleh log masuk menggunakan No.MyKad dan Kata Laluan Sementara yang diberikan. Apabila telah berjaya log masuk, pengguna boleh tukar Kata Laluan Sementara kepada Kata Laluan Baru di bahagian Tukar Kata Laluan.

# 5 PAPARAN MESEJ

1) Jika permohonan pengguna diluluskan tetapi tidak aktif, mesej '**Akaun Tidak Aktif. Sila Hubungi Pentadbir Sistem**' akan dipaparkan selepas pengguna klik butang Hantar di Skrin Log Masuk (Rajah 2.5).




**Rajah 2.5 : Mesej yang dipaparkan jika akaun tidak aktif**

2) Jika permohonan pengguna tidak diluluskan, mesej '**Akaun Tidak Lulus. Sila Hubungi Pentadbir Sistem**' akan dipaparkan selepas pengguna klik butang Hantar di Skrin Log Masuk (Rajah 2.6).




**Rajah 2.6 : Mesej yang dipaparkan jika akaun tidak lulus**

3) Jika No.MyKad atau Kata Laluan tidak wujud, mesej '**No.MyKad/Kata Laluan Tidak Wujud'** akan dipaparkan selepas pengguna klik butang Hantar di Skrin Log Masuk (Rajah 2.7).




**Rajah 2.7 : Mesej yang dipaparkan jika status No.MyKad atau Kata Laluan tidak wujud**

4) Jika No.MyKad telah wujud di sistem tetapi pengguna membuat permohonan pendaftaran semula menggunakan Borang Pendaftaran Keahlian, mesej '**No.MyKad Telah Wujud Dalam Sistem. Sila Hubungi Pentadbir Sistem**' akan dipaparkan selepas pengguna klik butang Daftar (Rajah 2.8).




**Rajah 2.8 : Mesej yang dipaparkan jika permohonan pendaftaran dibuat menggunakan No.MyKad yang telah wujud.**